



PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG)

MOD PENDIDIKAN JARAK JAUH

**IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN**

**MODUL (ALAT MUZIK UTAMA-VOKAL II)**

(KOD KURSUS MZP3112V )

(ALAT MUZIK UTAMA-VOKAL II)



INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,  
BLOK 2200, PERSIARAN APEC,  
CYBER 6, 63000 CYBERJAYA

Berkuat kuasa pada Jun 2011



## FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

### Falsafah Pendidikan Guru

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin.

Cetakan Jun 2011  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak cipta terpelihara. Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.

**MODUL INI DIEDARKAN UNTUK KEGUNAAN PELAJAR-PELAJAR YANG BERDAFTAR DENGAN BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAGI MENGIKUTI PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU ( PPG )**

**MODUL INI HANYA DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI PROGRAM-PROGRAM TERSEBUT.**

Cetakan Jun 2011  
Institut Pendidikan Guru  
Kementerian Pelajaran Malaysia

*MODUL PPG  
Dicitak JUN 2011*

*Sulit*

Falsafah Pendidikan Guru

Panduan Pelajar

Pengenalan

Tajuk Pembelajaran

**Tajuk 1 : Teknik-Teknik Vokal**

- 1.0 Sipnopsis
- 1.1 Hasil Pembelajaran
- 1.2 Kerangka Tajuk
- 1.3 Kandungan
  - Fonasi dan Register
  - 1.3.1 Fonasi
  - 1.3.2 Register suara kanak-kanak
  - 1.3.3 Register vokal
  - 1.3.4 Jenis-jenis Suara

**Tajuk 2 : Aplikasi Teknik Vokal**

- 2.0 Sipnopsis
- 2.1 Hasil Pembelajaran
- 2.2 Kerangka Tajuk
- 2.3 Kandungan
  - Repertoir
  - 2.3.1 Bunga Melor
  - 2.3.2 Nina
  - 2.3.2 Tunggu Sekejap
  - 2.3.4 When laura Smiles

## PANDUAN PELAJAR

Modul ini disediakan untuk membantu anda menguruskan pembelajaran anda agar anda boleh belajar dengan lebih berkesan. Anda mungkin kembali semula untuk belajar secara formal selepas beberapa tahun meninggalkannya. Anda juga mungkin tidak biasa dengan mod pembelajaran arah sendiri ini. Modul ini memberi peluang kepada anda untuk menguruskan corak pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran, dan masa anda.

Pembelajaran arah sendiri memerlukan anda membuat keputusan tentang pembelajaran anda. Anda perlu memahami corak dan gaya pembelajaran anda. Adalah lebih berkesan jika anda menentukan sasaran pembelajaran sendiri dan aras pencapaian anda. Dengan cara begini anda akan dapat melalui kursus ini dengan mudah. Memohon bantuan apabila diperlukan hendaklah dipertimbangkan sebagai peluang baru untuk pembelajaran dan ia bukannya tanda kelemahan diri.

Modul ini ditulis dalam susunan tajuk. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran sendiri anda. Latihan-latihan disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Ada di antara latihan ini mempunyai cadangan jawapan. Bagi latihan-latihan yang tiada mempunyai cadangan jawapan adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain seperti rakan anda atau menyediakan sesuatu nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial. Anda boleh berbincang dengan pensyarah, tutor atau rakan anda melalui email jika terdapat masalah berhubung dengan modul ini.

Anda akan mendapati bahawa ikon digunakan untuk menarik perhatian anda agar pada sekali imbas anda akan tahu apa yang harus dibuat. Lampiran A menerangkan kepada anda makna-makna ikon tersebut.

Anda juga diperlukan untuk menduduki peperiksaan bertulis pada akhir kursus. Tarikh dan masa peperiksaan akan diberitahu apabila anda mendaftar. Peperiksaan bertulis ini akan dilaksanakan di tempat yang akan dikenal pasti.

Tip untuk membantu anda melalui kursus ini.

1. Cari sudut pembelajaran yang sunyi agar anda boleh meletakkan buku dan diri anda untuk belajar. Buat perkara yang sama apabila anda pergi ke perpustakaan.
2. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran anda. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.
3. Luangkan sebanyak masa yang mungkin untuk tugas tanpa mengira sasaran pembelajaran anda.
4. Semak dan ulangkaji pembacaan anda. Ambil masa untuk memahami pembacaan anda.
5. Rujuk sumber-sumber lain daripada apa yang telah diberikan kepada anda. Teliti maklumat yang diterima.
6. Mulakan dengan sistem fail agar anda tahu di mana anda menyimpan bahan-bahan yang bermakna.
7. Cari kawan yang boleh membantu pembelajaran anda.



## AGIHAN TAJUK

Kod & Nama Kursus: MZP3112V (Alat Muzik Utama – Vokal 11 )

Kandungan modul ini dibahagi kepada dua(2) tajuk. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi bersemuka atau pembelajaran melalui modul.

INTERAKSI	TAJUK/TOPIK	JUMLAH JAM MENGIKUT PRO FORMA KURSUS
1	Teknik-Teknik Vokal <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal apa itu fonasi dan peranannya dalam nyanyian</li> </ul> Aplikasi Teknik Vokal <ul style="list-style-type: none"> <li>• Repertoire 1- Bunga Melor</li> </ul>	1 jam  5 jam
2	Teknik-Teknik Vokal <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal register suara kanak-kanak sekolah rendah</li> </ul> Aplikasi Teknik Vokal <ul style="list-style-type: none"> <li>• Repertoire 2 – Nina</li> </ul>	1 jam  5 jam
3	Teknik-Teknik Vokal <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal register vokal- suara kepala, pertengahan dan dada</li> </ul> Aplikasi Teknik Vokal <ul style="list-style-type: none"> <li>• Repertoire 3 – Tunggu Sekejap</li> </ul>	1 jam  5 jam
4	Teknik-Teknik Vokal <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal jenis-jenis suara- soprano, alto, tenor dan bes</li> </ul> Aplikasi Teknik Vokal <ul style="list-style-type: none"> <li>• Repertoire 4 – When Laura Smile</li> </ul>	1 jam  5 jam  <i>Sulit</i>






### 1.0 Sinopsis

Kursus ini adalah lanjutan kepada vokal I dengan memberi fokus kepada teknik vokal fonasi dan register. Di sini pelajar dapat mempraktikkan kemahiran dan teknik tersebut dalam pelbagai repertoire lagu. Pelajar-pelajar dipandu melalui keratan-keratan skor serta CD yang dibekalkan secara berperingkat dan mengikut susunan.

### 1.1 Hasil Pembelajaran

1. Mempraktikkan teknik-teknik vokal dengan berkesan
2. Menguasai kemahiran vokal dengan pelbagai repertoire ; dan
3. Mengintegrasikan kemahiran-kemahiran yang dipelajari dalam persembahan nyanyian.

### 1.2 Kerangka Tajuk



### 1.3 Kandungan

#### 1.3.1 Fonasi

Fonasi atau *phonetik* bermaksud pertuturan atau sebutan yang terhasil daripada bunyi. Pertuturan dihasilkan dengan berbagai cara, bukan sahaja melibatkan sebutan dari segi vokal dan konsonan, malah melibatkan segala aktiviti yang berkaitan dengan bunyi yang dihasilkan melalui sebutan contohnya seperti bercakap, menjerit, ketawa, menyanyi dan sebagainya. Hasil pertuturan ini terjadinya melalui bunyi yang dihasilkan daripada vokal kod yang terdapat di kawasan tekak. Bunyi yang terhasil akan dibentuk oleh kawalan otot-otot mulut, lidah, lelangit dan bibir yang akhirnya keluar menjadi sebutan tertentu.

Peranan fonasi dalam nyanyian ataupun percakapan adalah bertujuan untuk menghasilkan sebutan yang tepat. Teknik nyanyian fonasi adalah amat penting untuk kanak-kanak kerana teknik ini mengajar mereka menyebut setiap perkataan dalam lirik menggunakan sebutan yang betul. Kesemua 26 abjad boleh digunakan dalam teknik nyanyian fonasi ini. Kanak-kanak yang berlainan bangsa biasanya mempunyai masalah fonetik yang berlainan.

Kanak-kanak Melayu biasanya mempunyai masalah untuk menyebut perkataan-perkataan inggeris. Contohnya..bunyi [*the*], akan disebut [*de*], sebutan *share*, akan disebut [*sæ̃r*]. Bunyi [*f*] contohnya kadang-kadang memberi masalah kepada kanak-kanak melayu kerana mereka biasanya akan menyebutnya sebagai [*p*].

Kanak-kanak Cina pula kebiasaannya mempunyai masalah dengan huruf *L* dan *R*. Contohnya perkataan lori akan disebut sebagai loli, lari akan disebut sebagai lali., red lorry yellow lorry akan disebut led loli yellow loli. Kanak-kanak India pula kebiasaannya selalu keliru dengan huruf *W* dan *V*. Contohnya sebutan [*waktu*] akan disebut [*vaktu*]. Mereka juga kebiasaannya akan menambah konsonan *H* di hujung perkataan

yang mempunyai huruf vowel, contohnya sebutan [nya] akan disebut sebagai [nyah]. Ini pastinya memberi pengertian yang berlainan kepada perkataan tersebut.

### **Latihan**

Langkah 1 :

Latihan pembentukan mulut bagi menghasilkan sebutan vowel a,e,i,o,dan u dengan sebutan :

- Pic mendatar, menaik dan menurun
- Panjang/lanjutan ( a.....e.....i.....o.....u.....)
- Pendek/terputus-putus (aaaa/eeee/iiii/oooo/uuuu )

Langkah 2:

Latihan pembentukan mulut termasuk lidah,gigi,bibir dan lelangit untuk menghasilkan artikulasi lirik lagu yang baik

- Sukukata terbuka . Contoh , la / ma/ mo/ lo / ma
- Sukukata tertutup . Contoh, ka....n, ma....n,..tu....p
- Cuba nyanyikan satu lagu dan sila beri fokus pada perletakan lidah mengikut sukata lagu

Langkah 3

- Latihan mengaplikasikan kemahiran fonasi dalam aktiviti nyanyian dengan menyanyikan beberapa contoh lagu kanak-kanak atau lagu patriotik dengan menggunakan unsur dinamik:


Contoh

Forte (f), mezzoforte (mf), fortissimo (ff), Piano (p), mezzo piano (mp), pianissimo (pp), crescendo (crese), decrescendo (dec), diminuendo (dim)

### 1.3.1.1 Aktiviti Nyanyian Fonasi

#### Latihan 1

Cuba nyanyikan petikan melodi di bawah dengan menggunakan sebutan fonasi vokal a,e,i,o dan u.



#### Latihan 2

Cuba nyanyikan petikan melodi di bawah dengan menggunakan awalan sebutan fonasi konsonan dan vokal. ( K + V )

Contohnya...Ha...Ma...Ka...La...Ho...



#### Latihan 3

Cuba nyanyikan petikan melodi di bawah dengan menggunakan akhiran sebutan fonasi vokal dan konsonan. Contohnya...aM...aN...eP...iK...oP...



Latihan 4

Cuba nyanyikan petikan melodi di bawah dengan menggunakan awalan dan akhiran sebutan fonasi konsonan, vowel dan konsonan. (K+V+K )

Contohnya...MaM...NaN...KeP...TiK...ToP...




Latihan 5



(e) (ɛ) (ɔ) (e)  
 (e) (ɔ) (ɛ) (ɔ)

Latihan 6

Mana-mana bunyi huruf vokal




## 1.3.2 Register Suara Kanak-kanak

### 1.3.2.1 Renj dan Tesitura Suara Kanak-Kanak

Setiap manusia mempunyai renj suara yang berlainan. Kebiasaannya suara lelaki mempunyai renj yang lebih rendah daripada suara perempuan. Kanak-kanak juga mempunyai renj suara yang berbeza. Kanak-kanak yang berlainan usia dan jantina mempunyai renj suara yang berbeza.

Biasanya suara kanak-kanak mula berubah apabila mereka mencapai umur empat atau lima tahun (Campbell & Kassner, 1995). Dalam nyanyian spontan, renj suara kanak-kanak boleh mencapai 2 oktaf tetapi apabila mereka menyanyi secara terkawal yakni di dalam pic dan mengikut ritma yang tepat, renj suara mereka akan menjadi lebih kecil. Kebiasaannya renj mereka adalah di antara 5 pic iaitu dari not D rendah ke not A.

Rajah 1.1 menunjukkan renj dan tesitura suara bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur 6 hingga 9 tahun. Berdasarkan gambarajah ini, menjelaskan perbezaan bagi renj dan tesitura suara kanak-kanak mengikut umur. Tesitura merupakan jarak yang selesa untuk dinyanyikan bergantung renj suara individu. Kanak-kanak akan lebih selesa untuk menyanyi dalam tesitura suara mereka berbanding renj suara mereka.



Rajah 1.1: Renj dan Tesitura suara kanak-kanak dari umur 6 tahun hingga 9 tahun. Sumber: Campbell & Kassner, 1995:130.

### 1.3.3 Register Vokal

Suara terbahagi kepada beberapa kategori yang berbeza mengikut jantina. Bagi suara perempuan biasanya dibahagi kepada tiga kumpulan; soprano, mezzo-soprano, dan contralto. Suara lelaki terbahagi kepada empat kumpulan iaitu: countertenor, tenor, baritone, dan bass. Dalam nyanyian kontemporari pula, penyanyi biasanya diklasifikasi mengikut stail lagu yang dinyanyikan seperti jazz, pop, blues, soul, rock dan sebagainya.


Klasifikasi suara yang terhasil akan kedengaran melalui tiga pecahan. Peringkat pecahan suara ini dikenali sebagai '*registers*'. Register suara manusia terdiri daripada beberapa siri ton yang terhasil dari getaran pada bahagian vokal kod. Istilah vokal muzik yang digunakan pada suara bernada rendah dinamakan '*suara dada*' (*chest voice*), bagi suara pertengahan '*suara tengah*' manakala penggunaan suara bernada tinggi dikenali sebagai '*suara kepala*' (*head voice*). Kegunaan istilah ini meluas dalam pedagogi vokal yang merujuk kepada jarak suara (*range*), register atau warna suara (*timbre*) yang tertentu. Istilah suara dada dan suara kepala digunakan sekitar abad ke-13 oleh penulis Johannes de Garlandia dan Jerome of Moravia. Istilah ini kemudian telah dipanggil '*bel canto*' yang bermaksud '*nyanyian yang merdu*'. Setiap suara yang berlainan nada terutama yang dihasilkan dalam jarak yang berbeza ini mewujudkan pertukaran dari segi warna ton yang jelas. Sebagai contoh, menyanyi dalam nada rendah akan menghasilkan struktur bunyi yang tebal, bagi nada pertengahan akan menghasilkan struktur suara sederhana manakala nyanyian nada tinggi akan menghasilkan struktur bunyi yang tipis atau halus (Arabella Hong-Young, 2003).

Dalam seni nyanyian, penyanyi yang menyanyi dengan banyak pecahan register dianggap tidak baik dari segi penyampaiannya. Pecahan register perlu diatasi oleh penyanyi dengan menyatukan (*blend*) di tempat pecahan register berlaku agar perubahan suara ini tidak kedengaran ketara ketika menyanyi. Kedudukan suara (*voice placement*) merupakan fokus bagi suara. Ia merupakan kunci terhadap kualiti dan jarak suara.



Teknik vokal dapat mengembangkan kemahiran menghasilkan suara yang berkualiti dari segi jarak suara dan kawalan suara.

Terdapat tiga perletakan suara atau register vokal di kalangan penyanyi iaitu register kepala, tengah dan dada.




Rajah 1.2 Register vokal lelaki dan perempuan

### 1.3.3.1 Suara kepala 'head register'

Suara kepala ialah suara yang digunakan untuk menyanyi not-not yang berada pada register tinggi. Suara kepala adalah berbeza untuk setiap orang kerana rej suara manusia adalah berbeza walaupun dalam lingkungan usia yang sama. Register suara bagi suara kepala adalah di antara not B dan G.

Untuk menghasilkan suara kepala, seseorang penyanyi itu seharusnya memfokuskan dengungan pengeluaran suara pada ruang kawasan dahi dan hidung. Proses untuk mendapatkan suara kepala ini memerlukan sokongan nafas yang mencukupi (tekanan di perut) dan apabila menyanyikan not yang tinggi, secara psikologinya seseorang penyanyi itu mesti fokus tekanan suaranya semakin ke bawah.



Rajah 1.3 Suara kepala

### 1.3.3.2 Suara Tengah


Suara Tengah adalah suara yang berada di antara suara kepala dan suara dada. Ianya adalah perletakan suara dari paras hidung ke kerongkong. Bunyi untuk suara ini biasanya dihasilkan di bahagian rongga mulut.



Rajah 1.4 Suara Tengah

### 1.3.3.3 Suara Dada

Suara dada adalah suara yang biasanya digunakan semasa percakapan. Suara dada dikeluarkan adalah rendah dan bergema di seluruh rongga dada. Suara dada biasanya digunakan untuk nyanyian not-not yang berpici rendah. Renj untuk suara dada adalah kecil seperti yang ditunjukkan dalam rajah 5.



Rajah 1.5 Suara Dada

### 1.3.4 Jenis-jenis Suara

Setiap manusia mempunyai suara yang unik. Suara wanita dan lelaki, sama ada dewasa atau remaja boleh dikategorikan mengikut jenis suara dan renj not yang berbeza. Penyanyi wanita, umumnya diklasifikasikan dalam soprano, mezzo-soprano, contralto, alto dan manakala penyanyi lelaki diklasifikasikan dalam counter-tenor, tenor, baritone dan bes.



Rajah 1.6. Klasifikasi / Jenis Suara

## 2.0 SINOPSIS


Dalam tajuk ini anda akan membuat latihan nyanyian dengan memberikan tumpuan kepada sebutan, perletakan suara serta mengikut dinamik yang bersesuaian.

## 2.2 HASIL PEMBELAJARAN

Latihan nyanyian membolehkan anda :

- Memberi tumpuan kepada latihan sebutan mengikut intonasi yang betul.
- Menyanyi dengan perletakan suara yang betul

## 2.3 KERANGKA TAJUK



Aktiviti :

1. Menyanyi kan lagu dengan memberi fokus kepada sebutan yang tepat.
2. Menyanyi dengan menggunakan perletakan suara yang betul

Arahan : Gunakan Piano atau Kibod bagi mengiringi keratan melodi semua latihan dibawah. Anda harus meneliti skor selama 1 minit kemudian cuba menyanyi tanpa bimbingan tulisan solfa di bawahnya.

## 2.4 KANDUNGAN



2.4.1 Bunga Melor

2.4.2 Nina

2.4.3 Tunggu Sekejap

2.4.4 When Laura Smiles

## BUNGA MELOR

P. Ramlee

Zapin

(Intro 4 bar)

Di hu-jung sa-na tem - pat mu bu-nga me - lor\_\_  
 tih bu-nga me - lor\_\_

4  
 Bu-kan di ta-man yang in - dah bu-nga me - lor\_\_ ha-nya di su-dut ha-la-  
 Tan-da nya su - ci dan mur - ni bu-nga me - lor\_\_ wa-lau di - ti - up de -

7  
 man ti - a - da di hi - a - si jam - ba-ngan in - dah per - mai\_\_\_\_  
 bu war-na mu dan ba - u

10  
 Ta-pi war-na mu ya - ng pu - mu te-tap me-mi-kat kal bu - -

13  
 I - ba-rat ga-dis de - sa\_\_\_\_ bu-nga me - lor\_\_ se-der-ha - na\_\_\_\_

17  
 wa-lau ke-ring tak ber-cah - ya bu-nga me - lor\_\_ ba-u mu me-mi-kat ji -

20  
 wa\_\_\_\_ Se - mu - ga sa - bar da - hu - lu bu-nga me - lor\_\_

23



Pa-da di sua-tu ke - ti - ka bu-nga me - lur\_\_\_ Ma-sa nya a - kan men-jel -

26



ma di - san-jung dan di - pu - ja *mf* o - leh ga - dis re - ma - ja. *mp*\_\_\_\_\_

# Nina

Poet unknown  
English version by  
James P. Dunn



Composer unknown  
Edited by John Glenn Paton

Andantino, ♩ = 54 - 60

6

*p*

Tre gior - ni son che  
E men - tre il sior dot -  
Long days have passed since  
To see her goes the

11

Ni - na, che Ni - na In let - to se ne sta, \_\_\_\_\_ In \_\_\_\_\_  
to - re, dot - to - re A vi - si - tar - la va, \_\_\_\_\_ A \_\_\_\_\_  
Ni - na, sweet Ni - na, Has ris - en from her bed, \_\_\_\_\_ In \_\_\_\_\_  
doc - tor, good doc - tor As if in death she lies, \_\_\_\_\_ As \_\_\_\_\_



15

let - to - se ne sta. Il son - no l'as - sas - si - na, l'as - sas -  
 vi - si - tar - la va, Ni - net - ta per a - mo - re, per a -  
 bed she will re - main. This sleep will kill my Ni - na, my dear  
 if in - death she lies. But can he rouse my Ni - na, my sweet

19

si - na, Sve - glia - te - la per pie - tà, Sve - glia - te - la per pie -  
 mo - re, In let - to - se ne sta, In let - to - se ne  
 Ni - na; O please do let her wake, O please do let her  
 Ni - na? A - las, I fear not so, A - las, I fear not

23

tà! E cim - ba - li e tim - pa - ni e pif - fe - ri, Sve - glia - te - mi Ni -  
 sta. E tim - pa - ni e pif - fe - ri e cim - ba - li, Sve - glia - te - mi Ni -  
 wake. } So, tim - brels and cym - bals and psal - ter - y, Pray, wak - en my Ni -  
 so!

- (1.) Slumber is killing her. Waken her, please!  
 (2.) Nina is staying in bed on account of love.  
 (Both:) Cymbals, pipes, drums! Waken my little Nina,

27

net - ta, sve - glia - te - mi Ni - net - ta, Per - ché non dor - ma  
 net - ta, sve - glia - te - mi Ni - net - ta, Ac - ciò non dor - ma  
 net - ta, pray, wak - en my Ni - net - ta, And let her sleep no

31

più, Per - ché non dor - ma più. Sve - glia - te - mi Ni - net - ta, Ni -  
 più, Ac - ciò non dor - ma più. Sve - glia - te - mi Ni - net - ta, Ni -  
 more, And let her sleep no more. Pray wak - en my Ni - net - ta, Ni -

34

net - ta, Per - ché non dor - ma - più.  
 net - ta, Ac - ciò non dor - ma - più.  
 net - ta, And let her sleep no more.

39

so that she won't sleep anymore.

# Tunggu Sekejap

Tan Sri P. Ramlee

♩ = 80

Voice

Tung gu se ke jap wa hai ka sih ke ra na hu jan ma sih re

4 *p*  
nyai Tung gu se ke jap da lam ge lo ra as ma ra ku Ja ngan bim

9 *f*  
bang wa lau pun si ang a kan men jel ma Ma lam i ni be lum pu

14 *p*  
as ku ber mes ra de ngan kan da Tung gu se ke jap wa hai ka

18  
sih Tung gu lah sam pai hu jan te duh Ma ri ku den dang ja ngan me nge

22 *f*  
nang o rang ja uh Ja ngan pu lang Ja ngan ting gal kan da

27 *p*  
ku so rang Tung gu se ke jap ka sih Tung gu

# When Laura Smiles

Philip Rosseter

Philip Rosseter  
Edited by J. G. P.



1. When Lau - ra smiles, \_\_\_\_\_ her\_ sight re - vives \_\_\_\_\_  
2. Love hath no fire \_\_\_\_\_ but\_ what he steals \_\_\_\_\_

5  
both night and day. The earth and heav - en  
from her bright eyes. Time hath no pow'r \_\_\_\_\_

9  
views\_ with de - light \_\_\_\_\_ her wan - ton play,  
but\_ that which in \_\_\_\_\_ her pleas - ure lies,

13

And her speech with ev - er - flow - ing mu - sic doth re -  
For she with her di - vine beau - ties all the world sub -

Musical score for measures 13-17. The vocal line is in treble clef with a key signature of one flat (B-flat). The piano accompaniment is in bass clef. The music features a mix of quarter and eighth notes, with some rests. A repeat sign is present at the beginning of the system.

18

pair The cru - el wounds of sor - row and un - tamed de - spair.  
dues And fills with heav'n - ly spir - its my \_\_\_\_\_ hum - ble muse.

Musical score for measures 18-22. The vocal line is in treble clef with a key signature of one flat (B-flat). The piano accompaniment is in bass clef. The music features a mix of quarter and eighth notes, with some rests. A repeat sign is present at the end of the system.

## BIBLIOGRAFI

Christy, V.A., & Paton, J.G. (1997). *Foundations in singing*. Boston: McGraw Hill.

Stanton, R. (1983). *Steps to singing for voice classes* (3<sup>rd</sup> ed.)  
Belmont: Wadsworth Publishing

Miller, R. (1986). *The Structure of Singing. System and Art in Vocal Technique*.  
New York : Schirmer's Book.

Philips, K.H. (n.d.) *Teaching kids to sing*. New York: Macmillan Inc.

Caruso, E., & Tetravini, L. (1975). *The Art of Singing*. New York: Dover  
Publications.

Christy, V.A. & Paton, J.G. (1997). *Foundations in singing*. Boston: McGraw Hill.

Lawson, J.T. (1955). *Full-Throated Ease: A Concise Guide to Easy Singing*.  
Canada: Western Music Company.

Marafioti, P. M. (1949). *Caruso's Method of Voice Production: The Scientific  
Culture of The Voice*. New York: Dover Publications.

Miller, R. (1986). *The Structure of Singing. System and Art In Vocal Technique*.  
New York : Schirmer's Book.

Philips, K.H. (n.d.) *Teaching kids to sing*. New York: Macmillan Inc.

Telfer, N. (1993). *Successful Warmups, Book 1*. California: Neil A. Kjos Music  
Company.

Stanton, R. (1983). *Steps to singing for voice classes* (3<sup>rd</sup> ed.) Belmont:  
Wadsworth Publishing

Titze, I.R. (1994). *Principles of Voice Production*. Englewood Cliffs, NJ:  
Prentice Hall.

Trusler, I. & Ehret, W. (1992). *Functional Lessons in Singing*. Englewood Cliffs,  
NJ: Prentice-Hall.

PANEL PENULIS MODUL  
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU  
( PENDIDIKAN MUZIK PENDIDIKAN RENDAH)

NAMA	KELAYAKAN
<p>NAMA: MOHAMMAD RAMIZ OMAR</p> <p>JAWATAN: PENSYARAH DG48</p> <p>EMEL : ramiztq6763@yahoo.com.my</p>	<p>KELULUSAN :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bachelor in Music, UiTM, Shah Alam</li> <li>2. Diploma Pendidikan (Muzik) IPSI, Tg.Malim, Perak</li> </ol> <p>PENGALAMAN KERJA : 16 Tahun</p>
<p>NAMA : NOOR RAZANA MOHD NORDDIN</p> <p>JAWATAN: PENSYARAH DG48</p> <p>EMEL : zanamazli@yahoo.com</p>	<p>KELULUSAN :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bachelor in Music, UiTM, Shah Alam</li> <li>2. Diploma Pendidikan (Muzik) IPSI, Tg.Malim, Perak</li> </ol> <p>PENGALAMAN KERJA : 16 Tahun</p>
<p>NAMA : FAUZILA BINTI ABDUL LATIF</p> <p>JAWATAN: PENSYARAH DG44</p> <p>EMEL : fauzila1972@gmail.com</p>	<p>KELULUSAN :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sarjana Pendidikan Muzik, UPSI, Tg.Malim, Perak</li> <li>2. Ijazah Sarjana Muda (Muzik), UiTM, Shah Alam</li> <li>3. Diploma Pendidikan (Muzik) KPLI, IPIK, Cheras, Kuala Lumpur</li> </ol> <p>PENGALAMAN KERJA : 14 Tahun</p>

## IKON



Rehat



Perbincangan



Bahan Bacaan



Buku Rujukan



Latihan



Membuat Nota



Senarai Semakan



Layari Internet



Panduan Pengguna



Mengumpul Maklumat



Tutorial



Memikir



Tamat